

18 nelayan Vietnam didenda

KUALA TERENGGANU

- Seorang tekong warga Vietnam didenda RM300,000 manakala lapan awak-awaknya didenda RM30,000 di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu semalam.

Keputusan dibuat selepas semua tertuduh mengaku salah di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985(Akta 317).

Tertuduh Luyen, 35, turut berdepan dua tahun penjara manakala awak-awaknya yang berusia antara 25 hingga 45 tahun boleh dipenjara setahun sekiranya gagal menjelaskan denda.

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa bersama-sama cuba menangkap ikan tanpa kebenaran mengikut Seksyen 25(a) Akta Perikanan 1985 yang dibaca bersama Seksyen 52(1)(a)(i) dan (ii) akta sama.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu semasa berada di atas bot di kedudukan pada jarak lebih kurang 24.5 batu nautika dari Paka, Dungun, jam 3.45 petang, -22 April lalu.

Mahkamah turut memerintahkan vesel, peralat-



Sebahagian awak-awak warga Vietnam yang dikenakan hukuman di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu semalam.

an komunikasi dan navigasi berserta peralatan menangkap ikan dan hasil tangkapan laut dilucut hak kepada Kerajaan Malaysia.

Sementara itu, di mahkamah sama, seorang tekong warga Vietnam didenda RM400,000 manakala lapan awak-awaknya didenda RM40,000 selepas didapati bersalah cuba menangkap ikan menggunakan peralatan menangkap ikan tanpa kebenaran di bawah Seksyen 19 Akta Perikanan 1985(Akta 317).

Tertuduh, Truong Van Tang, 41, turut berdepan dua tahun penjara dan

awak-awaknya berusia antara 24 hingga 53 tahun dipenjara setahun sekiranya gagal menjelaskan denda berkenaan.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di kedudukan 40 batu nautika dari Perairan Kuala Terengganu, di sini, semasa berada di atas vesel nelayan asing lebih kurang jam 11.40pagi, pada 19 April lalu.

Mahkamah turut mengarahkan vesel, peralatan komunikasi dan navigasi berserta peralatan menangkap ikan serta hasil tangkapan laut dilucut hak kepada Kerajaan Malaysia.